

Pertanian Sebagai Perniagaan¹

Oleh

Fatimah Mohamed Arshad ²

Pengenalan

Sektor pertanian berperanan untuk menyediakan tapak lonjakan kepada sesuatu ekonomi ke arah pertumbuhan dan pembangunan sama ada melalui perindustrian atau pertanian maju. Daripada ekonomi yang bergantung kepada beberapa komoditi eksport seperti getah dan timah dalam tahun 1960an, ekonomi Malaysia telah dipelbagaikan dan menjadi pengeksport utama dunia untuk beberapa keluaran asas-tani seperti keluaran minyak sawit, getah, kayu-kayuan dan koko dan juga keluaran eletronik dan elektrik. Di tahap awal pembangunan, sektor pertanian telah menjadi penjana utama pertumbuhan. Dalam tahun 1960an, sektor pertanian berperanan sebagai sektor yang membekalkan makanan untuk penduduk yang kian bertambah, menyediakan peluang pekerjaan, memberi pendapatan eksport negara, mengumpul simpanan untuk pelaburan industri dan menyediakan bahan mentah untuk pertumbuhan industri asas-tani.

Kesan daripada pertumbuhan sektor pertanian pada tahun 1960an, sektor ini mampu menyediakan landasan untuk perindustrian. Sektor ini telah membantu menyediakan faktor pengeluaran seperti tanah, buruh yang terlatih dan modal untuk proses perindustrian. Perindustrian yang pesat telah membawa ekonomi ke tahap yang dicapai kini, iaitu sebagai salah satu ekonomi negara membangun di Asia yang berpotensi untuk terus maju ke arah status negara maju. Sumbangan sektor pertanian kepada ekonomi negara dari segi peratus telah mengecil daripada 30% dalam tahun 1970an kepada 8.2% pada tahun 2005; menyarankan kekukuhan sektor perindustrian dan perkhidmatan sebagai penjana pertumbuhan. Pembangunan pesat ekonomi Malaysia telah menempatkan negara ini di tangga ke-61 dalam senarai Indeks Pembangunan Manusia ukuran UNDP pada tahun 2006 (UNDP, 2007). Kedudukan ini lebih tinggi daripada yang dicapai oleh negara jiran seperti Thailand yang menduduki tangga ke-74, Filipina (84) dan Indonesia (108)).

Pengecilan sektor pertanian merupakan fenomena normal terjangka bagi sesebuah ekonomi yang beralih daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada ekonomi yang berorientasikan eksport. Negara maju menunjukkan sumbangan syer pertanian yang kecil kepada Keluaran Dalam Negara Kasarnya (KDNK). Sebagai contoh, pada tahun 2005, syer pertanian di Netherlands daripada KDNK hanya 2.1%, tetapi nilai output sektor ini adalah USD131 bilion. Netherlands adalah diantara negara pertanian termaju di dunia. Di Amerika, syer sektor pertanian daripada KDNK hanya mencecah 0.7% tetapi ia bernilai USD840 billion (USDA, 2007) dan pengeluar bijirin terbesar dunia.

¹ *Kertas kerja yang dibentangkan dalam Konvensyen Pertanian Kebangsaan 2007 anjuran Biro Pertanian UMNO Malaysia, 27 – 28 September, 2007, Seremban, Negeri Sembilan.*

² *Pengarah, Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan (IKDPM), Universiti Putra Malaysia, Serdang UPM 43400 Selangor Malaysia. Emel:fatimah@econ.upm.edu.my dan laman web: ikdpm.upm.edu.my*

Jadual 1 Malaysia: Peranan Ekonomi Sektor Pertanian, 1955-2005 (%)

Butir	1955	1960	1965	1970	1975	1980	1985	1990	1995	2000	2005
Perbelanjaan kerajaan keatas sektor pertanian	..	23.6	20.0	26.0	24.0	22.0	21.3	17.1	7.4	4.2	5.8
Sumbangan pertanian kepada KDNK	32.5	33.3	26.9	29.0	27.7	22.9	20.9	18.7	10.3	8.9	8.2 ¹
Kadar pertumbuhan KDNK											
Pertanian	6.8	4.8	3.9	3.4	4.6	2.0	1.2	3.0
Pembinaan	4.1	6.6	12.6	8.1	0.4	13.3	-1.1	6.1
Pembuatan	9.9	11.6	13.5	4.9	13.7	13.3	9.1	4.1
Perkhidmatan	5.7	9.3	8.6	7.8	6.7	7.6	5.0	6.7
Syer guna tenaga pertanian	..	67.6	62.9	55.7	46.9	39.7	34.8	26.0	18.7	15.2	12.9
Syer eksport pertanian	..	62.1	51.0	55.0	48.3	39.7	28.3	7.9	11.7	6.1	7.0
Getah	..	55.1	38.7	33.4	21.9	16.4	7.6	3.8	2.6	0.7	1.1
Kelapa sawit	..	2.69	5.6	9.3	29.6	23.3	36.9	30.3	42.4	54.9	60.7
Sher makanan daripada jumlah eksport	4.0	3.5	6.4	5.9	6.7	3.7	4.4	4.5	2.7	2.1	1.4
Sher import makanan daripada jumlah import	31.0	26.0	22.3	18.3	16.4	10.4	10.1	5.8	4.1	3.7	3.6

Sumber: 1955-2000, data disumberkan daripada Malaysia (2003). Malaysia Economic Statistics, 2002. 2005, data daripada Malaysia (2006).

Kadar pertumbuhan adalah merujuk kepada tahun 1965-70, 1970-75, 1976-80, 1981-85, 1986-1990, 1991-95, 1996-2000 dan 2000-05

1 – Tidak merangkumi keluaran asas tani.

Walaupun Malaysia memiripi tren negara maju dari segi pengecilan syer pertanian dalam KDNK, tetapi pertumbuhan sektor pertanian tidak sepesat berbanding dengan sektor bukan pertanian dalam negeri dan juga dengan sektor pertanian di negara maju seperti di Taiwan atau Korea. Walaupun Malaysia mencapai prestasi cemerlang dalam pengeluaran bahan mentah pertanian seperti kelapa sawit dan getah, namun industri makanan masih tertinggal. Perusahaan perniagaan pertanian lain seperti bahan makanan seperti padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman pertanian yang lain masih di tahap yang rendah dari segi nilai perniagaan, cakupan pasaran antarabangsa dan keluaran nilai tambah yang dihasilkan. Malahan, Malaysia adalah pengimport bersih makanan semenjak 1960an lagi. Pada tahun 2005, nilai import makanan Malaysia bernilai RM15.46 bilion dengan kurangan sebanyak RM7.4 (Malaysia, 2006). Sebaliknya, di negara maju seperti Taiwan, walaupun sektor pertanian mengecil tetapi ia mampu membekalkan makanan yang mencukupi untuk penduduknya. Negara maju seperti Amerika dan Eropah, sektor pertanian negara ini mampu membekalkan dunia dengan bijirin dan bahan makanan.

Fenomena ini menimbulkan persoalan tentang kelembapan sektor pertanian terutama makanan di Malaysia disebalik pertumbuhan pesat industri makanan dan minuman (*food and beverages*) dunia. Beberapa hujah telah dikemukakan untuk menjawab persoalan ini. Antara faktor yang disenaraikan adalah; persaingan sengit ke atas sumber pertanian (tanah, modal dan buruh) untuk tujuan pembangunan industri, pembinaan yang memberi pulangan yang lebih lumayan, saingan keluaran makanan import yang murah, inovasi teknologi pengeluaran yang tidak mencukupi menyebabkan produktiviti masih di tahap yang rendah, kekurangan insentif dll. Hujah ini ada kebenarannya. Walaubagaimanapun, salah satu faktor yang menyebabkan kelembapan industri pertanian dan makanan Malaysia adalah kekurangan usahawantani untuk menggerakkan sektor ini. Menyedari hakikat ini, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) telah mensasarkan untuk melahirkan 657,720 usahawantani (Malaysia, 2006). Pada masa yang sama, kekurangan usahawantani adalah sangat ketara dikalangan Bumiputera terutama orang Melayu. Kekurangan usahawantani dalam sektor pertanian dan makanan adalah disebabkan beberapa

faktor ekonomi dan sosial. Namun, salah satu faktor utamanya adalah tanggapan bahawa pertanian bukan merupakan satu perniagaan yang lumayan. Hujah ini ada kebenarannya terutama jika pertanian tidak digembelingkan sebagai suatu perniagaan, tetapi sekadar "satu cara hidup" seperti yang diamali oleh petani/pengusaha kecil Bumiputera/Melayu. Tanggapan ini sangat menebal di Malaysia terutama di kalangan tenaga muda sehingga terdapat penurunan yang ketara dalam pengajian disiplin pertanian di pusat pengajian tinggi dan kekurangan tenaga mahir profesional dalam bidang ini. Masalah kekurangan tenaga buruh pertanian dan pergantungan Malaysia kepada buruh murah import juga petanda bahawa sektor ini tidak mampu memberi pulangan yang lumayan kepada pekerja pertanian.

Kertas kerja ini bertujuan untuk memberi perspektif perniagaan kepada industri pertanian dan makanan di Malaysia. Pendekatan kertas kerja ini adalah seperti berikut. Bahagian seterusnya membincangkan beberapa fakta yang menunjukkan bahawa industri pertanian dan makanan adalah antara industri yang termaju dari segi nilai perniagaan di dunia dan juga di Malaysia. Ini diikuti dengan perbincangan beberapa tren utama (atau *mega trends*) yang akan mempengaruhi industri pertanian dan makanan. Bahagian akhir mengenalpasti implikasinya kepada pengusaha Melayu.

Pertanian sebagai Perniagaan: Perkembangan Semasa

Perenggan berikut mengenengahkan beberapa perkembangan untuk menunjukkan bahawa pertanian dan makanan merupakan industri atau perniagaan yang dinamik dan menguntungkan. Perkembangan ini merangkumi perkembangan dalam negara dan juga antarabangsa.

Sumbangan industri pertanian kepada KDNK Malaysia adalah lebih tinggi daripada yang di laporkan

Seperti yang tertera dalam Jadual 1, sumbangan sektor pertanian dan makanan kepada KDNK telah menurun dengan pesat dalam tiga dekad yang lepas, iaitu ia telah menurun kepada hanya 8.2% menjelang 2005. Angka ini adalah anggaran terkurang kerana keluaran asas tani tidak diambilkira sebagai dalam kiraan kategori "Sektor Pertanian, Perhutanan, Ternakan dan Perikanan" dalam perakaunan KDNK negara. Sektor pertanian dan makanan negara telah berkembang melalui kegiatan nilai tambah dan pembangunan industri hiliran. Antaranya termasuk industri asas tani seperti barangan berasaskan getah (seperti tayar, sarung tangan getah), kelapa sawit (minyak masak, oleokimia), koko (keluaran koko) dan pelbagai lagi. Nilai industri asas tani ini tidak dirangkumi dalam kiraan "Sektor Pertanian, Perhutanan, Ternakan dan Perikanan" sebaliknya dirangkumi dalam kategori "Sektor Pembuatan". Kesan daripada sistem perakaunan begini, nilai sumbangan pertanian kepada KDNK negara adalah terendah atau terkurang daripada nilai sebenar. Pada tahun 2005, nilai tambah pertanian adalah RM38 513 juta iaitu 14.6% daripada nilai KDNK. Data ini menunjukkan bahawa beberapa sub-sektor pertanian Malaysia telah beralih daripada berfokus kepada pengeluaran bahan mentah kepada industri hiliran yang meningkatkan nilai tambah bahan tersebut.

Malaysia pernah dan masih mampu menjadi pengeluar bahan mentah pertanian global

Legasi penjajah telah menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara pengeluar bahan mentah pertanian terbesar dalam tahun 1970an. Iaitu Malaysia adalah pengeluar terbesar di dunia untuk bahan mentah seperti timah, kelapa sawit, getah, koko, nenas dan lada hitam. Kini, tempat ini telah diambil alih negara lain seperti Indonesia, Thailand dan Vietnam. Kini Malaysia hanya dapat bertahan sebagai pengeluar terbesar kelapa sawit dunia.

Pembangunan pesat pertanian dalam tahun 1960an dan 1970an telah melahirkan beberapa syarikat global iaitu syarikat perladangan swasta yang dimiliki oleh pelabur Eropah. Syarikat ini beroperasi sebagai firma perniagaan yang mampu menjadikan pertanian sebagai "satu perniagaan" melalui penanaman secara perladangan dan rangkaian eksport di negara maju terutama di Eropah. Antara syarikat ini termasuk *Guthrie Plantations, Sime Darby Plantations, Socfin Plantations, Highlands and Lowlands* dan beberapa lagi. Walaupun kini syarikat ini telah "diMalaysiakan" dari segi ekuiti, hakikatnya syarikat ini telah berjaya menyediakan landasan yang kukuh untuk industri getah dan kelapa sawit bergerak sebagai satu perniagaan pertanian hingga mampu menghasilkan pelbagai keluaran "nilai-tambah" untuk industri tempatan dan eksport.

Malaysia memiliki beberapa firma perniagaantani yang bertahap global. Sebagai contoh, Synergy Drive (gabungan Golden Hope Plantations, Sime Darby, and Kumpulan Guthrie) adalah firma kelapa sawit terbesar dunia yang pernah disenaraikan. Syarikat tersebut memiliki 526,000 hektar estet kelapa sawit di Malaysia dan Indonesia dan telah membuka beberapa kilang pengeluaran biodiesel. Lagi satu syarikat separuh kerajaan iaitu FELDA (atau Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan) adalah juga pengeluar kelapa sawit terbesar dunia yang mengendalikan hampir 750,000 hektar kelapa sawit. Estet tempatan lain seperti IOI Corporation, Asiatic Development adalah juga firma kelapa sawit yang boleh dianggap bertaraf global. Prospek permintaan keatas biodiesel yang baik di dunia, akan meningkatkan lagi kepentingan syarikat ini sebagai firma pengeluar kelapa sawit dan juga biodiesel terbesar dunia.

Firma perniagaantani adalah diantara firma terbesar dunia

Perkembangan perniagaan di dunia menyorankan bahawa syarikat yang mengendalikan komoditi pertanian, makanan dan minuman adalah antara syarikat terbesar dan tertinggi dari segi keuntungan. Sebagai contoh, dalam senarai Fortune 500 syarikat dunia yang merekodkan keuntungan tertinggi 2007, tempat pertama diterajui oleh Syarikat Wal Mart, iaitu firma runcit pelbagai yang menjual barangan pengguna termasuk makanan dan minuman (Fortune, 2007). Firma runcit barangan pengguna Carrefour (France) menduduki tangga ke-32. Tesco (55), Metro 62 Kroger (80) Royal Ahold (104), Aeon (152).

Firma makanan dan minuman yang menempah kedudukan keuntungan yang tertinggi termasuk Nestle (Switzerland) menduduki tangga ke-56. Syarikat makanan segera MacDonald berada di tangga ke-329, syarikat minuman Pepsi menduduki tangga ke-184 dan Coca Cola tangga ke-285, dan syarikat yang mengeluarkan tayar jenama dan Michelin (342). Perlu diingatkan, bahawa tanpa sumber pertanian dan makanan, syarikat ini mungkin tidak akan mencapai kejayaan besar itu. Dalam kata lain, kejayaan syarikat ini adalah berlandaskan kepada sumber pertanian.

Lapan daripada firma runcit yang terbesar didunia terlibat dengan penjualan makanan (seperti Wal Mart, Carrefour, Kroger, Metro, AHold dan Tesco). Sejumlah 101 daripada 200 firma runcit yang menjual makanan menjualnya melalui pasaraya dan “convenience stores” (Deloitte, 2005). Beberapa firma runcit global ini telah membuka cawangan masing-masing di Malaysia seperti Carrefour, Tesco, Makro, Tops dan Giants. Data ini menunjukkan bahawa firma perniagaantani seperti firma makanan, minuman, perkhidmatan makanan adalah merupakan diantara firma yang dinamik dan mencatatkan keuntungan besar dalam ekonomi dunia.

Perniagaan input pertanian adalah perniagaan yang besar di dunia

Selain perniagaan makanan, minuman dan perkhidmatan makanan, perniagaan input pertanian seperti baja, racun perosak dan serangga, biji benih, kimia pertanian, adalah diantara perniagaan terbesar dunia. Antara syarikat ternama adalah seperti Monsanto, Dupont, Syngenta, Bayer, Sumimoto dan lain-lain. Pasaran input dunia menunjukkan darjah pemusatan yang tinggi, iaitu beberapa syarikat besar menguasai perniagaan input tersebut. Di Filipina, empat syarikat terbesar (Bayer, Aventis, Novatis dan Jardine Davies) menguasai 60% pasaran racun perosak (IFAP, 2002). Sejumlah 10 syarikat benih teratas menguasai hampir 55% daripada nilai perniagaan biji benih dunia. Sektor perniagaantani dunia pula dikuasai oleh tiga kelompok firma trans-nasional iaitu Cargill/Monsanto, Novartis/ADM/IBP dan ConAgra. Syarikat ini juga dipanggil sebagai *Trans-National Agrifood Conglomerates* (TNAC) kerana kegiatan integrasi dengan firma pengeluaran, pemprosesan merentasi pelbagai negara. Syarikat ini menubuhkan jalinan dengan syarikat bioteknologi, pengeluaran dan pemprosesan bijirin dan pengeluaran dan pemprosesan daging. TNAC ini beroperasi di landasan global. Sebagai contoh, Cargill mengeluarkan *phosphate* di Tampa, Florida, dan baja ini digunakan untuk tanaman soya di Argentina. Kacang soya ini diproseskan kepada minyak dan mil (*meal*) yang kemudiannya dieksport ke Thailand dan Malaysia untuk ternakan ayam daging. Ayam daging ini pula diproses untuk dieksport ke Jepun dan Eropah (Prokopanco, 2007).

Makanan segar dan kesihatan menunjukkan pertumbuhan pesat di dunia

Tren di negara maju menunjukkan bahawa kesedaran kesihatan meningkat dengan pesat. Permintaan keatas makanan yang “segar, selamat, bernilai tinggi dan sedia untuk dimakan” bertumbuh dengan pesat. Malahan, faktor ini telah mendorong kepada pertumbuhan industri makanan dunia. Mengikut ACNielsen (2004) yang memantau 89 kategori makanan di 59 negara di dunia, mendapati minuman kacang soya dan dadih adalah keluaran yang menunjukkan pertumbuhan terpantas dalam tahun 2002 dan juga 2004 (Jadual 2). Enam daripada keluaran makanan yang menunjukkan pertumbuhan dua digit, adalah makanan kesihatan yang boleh mengawal kesihatan. Ini termasuk minuman soya, dadih, minuman sukan/tenaga, pengganti gula dan bijirin. Perhatikan juga produk segar seperti salad, sayur-sayuran segar, buah-buahan menunjukkan pertumbuhan yang pesat. Kesan daripada peningkatan ke atas buah dan sayur segar ini telah mendorong peningkatan eksport buah-buahan Malaysia dan Thailand ke negara Eropah untuk mengambil peluang ini. Eksport buah-buahan Malaysia ke Singapura (dimana penggunaanya berpendapatan tinggi dan peka kepada kualiti dan keselamatan makanan) juga telah meningkat.

Pengguna di negara maju juga menunjukkan kecenderungan keatas pemakanan “protein tinggi –karbohidrat rendah”. Ini telah mendorong pertumbuhan yang pesat

keatas daging, ikan dan daging ayam berbanding dengan pertumbuhan roti, pasta dan bijirin.

Jadual 2 Kategori makanan yang mencatatkan pertumbuhan pantas di dunia,2003-04

Bil	Kategori	Kadar pertumbuhan	
		2003-04 (%)	Nilai RM juta
1	Minuman kacang soya	31	1173.64
2	Dadih	19	3150.55
3	Telur	16	3857.62
4	Bijirin	14	1510.34
5	Minuman untuk sukan/tenaga	10	2106.78
6	Pengganti gula	10	2106.78
7	Hidangan sejuk lengkap	10	2299.18
8	Buah yang dibekukan	9	177.97
9	Salad yang disejukkan	9	101.01
10	Minuman sedia minum tidak berkabonat	8	9.139
11	Minuman koko / coklat / malt	8	909.09
12	Salad segar sedia dimakan	8	798.46
13	Daging beku	7	1438.19
14	Sayur segar	7	3078.4
15	"Dessert' yang disejukkan	7	1139.97
16	Minyak masak / boleh dimakan	7	3078.4
17	Daging yang disejukkan	7	9.62 (bilion)
18	Kek / gateaux tahan lama	6	1245.79
19	Ikan / makanan laut yang disejukkan	6	755.17
20	Piza beku	6	1553.63
21	Sup / stok yang disejukkan	6	120.25
22	Air yang dibotolkan	6	4425.2
23	Buah / kekacang tahan lama	6	1871.09
24	Pastri bakar	6	269.36

Sumber : ACNielsen (2004)

Industri/perniagaan pertanian, makanan,minuman dan perkhidmatan makanan menunjukkan pertumbuhan yang pesat di Malaysia

Semenjak 1960an lagi, Malaysia bergantung kepada import untuk mendapatkan bekalan makanan termasuk, beras, daging lembu dan kambing, keluaran tenusu, buah-buahan dan sayur-sayuran. Pada tahun 2005, Malaysia hanya mencapai tahap sara diri yang tinggi untuk daging ayam (113%), telur (116%), daging khinzir (100%). Tahap sara keluaran lain adalah seperti berikut; beras (70%), buah-buahan (94%), sayur-sayuran (95%), perikanan (86%) , daging lembu (15%) dan daging kambing (6%) (Malaysia, 2006). Imbangan perdagangan bersih makanan Malaysia sentiasa berada di tahap negatif, mencecah RM7.4 juta pada 2005. RMK9 telah mensasarkan pencapaian imbangan perdagangan yang positif bernilai RM1.2 bilion menjelang 2010 dengan pelancaran pelbagai projek dan programke arah ini (Malaysia, 2006).


Jadual eksport dan import makanan Malaysia dibentangkan dalam Jadual 3 dan imbangan bersih perdagangan beberapa keluaran makanan terpilih pada tahun 2005 di bentangkan dalam Rajah 2. Rajah ini merumuskan beberapa perkara. Pertama, ia menunjukkan bahawa Malaysia tidak mampu atau tidak memiliki faedah berbanding dalam pengeluaran makanan.Ini kerana ia boleh diimport dengan murah daripada

negara luar seperti China, Australia dan lain-lain. Pertumbuhan import melebihi pertumbuhan eksport terutama untuk keluaran daging dan persediaan daging, keluaran tenusu dan makanan ternakan. Kedua, peningkatan import makanan juga menunjukkan peningkatan permintaan makanan daripada penduduk Malaysia. Ini menyaranakan bahawa permintaan makanan kian meningkat. Tren ini menyaranakan wujud peluang perniagaan yang besar dalam industri ini. Walaupun hujah bahawa tidak terdapat faedah berbanding yang nyata dalam sesetengah keluaran, namun Malaysia perlu mencari ruang dan ruang untuk keluaran tersendiri dan unik atau (*product niche*) yang mampu menembusi pasaran. Kes ikan hiasan, jambu dan buah naga yang berjaya dari segi prestasi eksport, adalah menepati strategi ini

Jadual 3 Malaysia: Komposisi Import Makanan dan Eksport, 1990-2010
(RM juta)

Butir	1990	1995	2000	2005	2010	Kadar pertumbuhan tahunan 1990-2005 (%)
Eksport	3449.4	4466	5268.6	7986.8	15501	7.12
Binatang hidup	385.1	552.5	357.4	425.1	467	6.72
Daging & persediaan daging	44.4	21.3	64.6	85.9	2895	7.98
Produk tenusu	157.6	245.8	410.2	413.2	520	7.52
Sayur-sayuran	0	0	278.4	491.6	614	11.60
Buah-buahan	431.5	496	512.4	471.9	2153.2	6.05
Gula, persediaan gula & madu	0	0	353.7	479.2	474.6	5.39
Bijirin dan persediaan bijirin	0	1.9	610.8	916.6	576.5	6.21
Ikan, crustaceans, moluscs	606.1	824.6	1263.3	2265.9	4624.7	5.16
Makanan ternakan	139.1	326.1	375.3	547.1	531	14.08
Lain-lain	1685.6	1997.8	1042.5	1890.3	2645	7.12
Import	4578.6	7784.5	10543.5	15435	14276.9	8.53
Binatang hidup	67.6	142.2	154.6	177.4	127	8.75
Daging & Persediaan Daging	248.7	279	771.4	1054.6	1262	10.67
Produk tenusu	538.9	951.9	1176.5	1745.1	1533	6.89
Sayur-sayuran	0	0	1023.6	1620.2	670	9.29
Buah-buahan	629.6	1127.8	561.6	694.9	812.1	6.21
Gula, persediaan gula & madu	269.8	356.1	1085.2	1406	1216	8.47
Bijirin dan persediaan bijirin	0	0	1839.1	2267.1	1464.8	5.54
Ikan, crustaceans, moluscs	363.6	773.1	1085.8	1851.9	841	18.52
Makanan ternakan	1041.4	582.3	1928.4	2838.2	4303	9.78
Lain-lain	1419	3572.1	917.3	1779.6	2048	9.91
Imbangan bersih	-1129.2	-3318.5	-5274.9	-7448.2	1224.1	

Sumber: Malaysia (2001). Rancangan Malaysia Ke-lapan (2001-2005)
Malaysia (2006). Rancangan Malaysia Ke-sembilan (2006-2010)
Malaysia (1998). Dasar Pertanian Negara (1998-2010)



Rajah 2 Malaysia: Imbangan perdagangan bersih beberapa komoditi makanan, 1990-2010
 Sumber: Malaysia (2006)

Jadual 4 Malaysia: Nilai jualan produk makanan, 2001-2006 (RM juta)


Produk	2001	2002	2003	2004	2005	2006	Kadar pertumbuhan tahunan (%)
Produk berbungkus							
Biskut	548.69	568.1	584.93	598.02	610.03	625.09	2.54
Roti, kuih, kek dan makanan yang dibakar	1200.64	1258.81	1305.03	1341.23	1380.63	1422.21	3.29
Makanan proses yang dibekukan	331.04	346.15	359.12	372.89	386.07	399.19	3.72
Mi	526.1	554.08	568.55	586.73	600.07	615.45	3.01
Makanan kering yang diproses	1644.33	1715.07	1771.51	1832.47	1884.17	1945.88	3.31
Makanan dalam tin	708.67	179.52	737.24	761.03	784.25	810.37	14.64
Makanan sejuk yang diproses	180.8	191.7	201.29	210.34	218.76	226.41	4.47
Minuman sukan/kesihatan	222.7	244.5	293.5	356.7	412	454.9	15.23
Jus buah-buahan dan sayur-sayuran	217.2	242.1	263.5	275.7	287.3	299	6.16
Air botol	122.5	129.1	136.1	143.5	153.5	163.8	5.79
Minuman karbonat	672.8	652.2	673.5	700.5	722.5	745.2	2.45
Minuman tempatan (Asian)	424.3	486.7	518.5	534.2	551.8	571	5.4
Perkhidmatan makanan							
Hantar ke rumah	246.7	264.8	283.7	303.3	323.4	343.7	6.64
Cafe/bar	3974.4	4811.7	5046.6	5705.2	6478	7383.5	11.75
Makanan segera	1330.6	1390.4	1530.4	1645.8	1712.5	1814	6.42
Restoran	6138.7	6411.3	6614.5	7015.5	7542.9	8171.1	5.65
Kafeteria-layan diri	348.7	362.8	381.2	402.1	426.3	454	5.3
Gerai makan tepi jalan	498.8	508.5	575.8	668.4	787.2	927.2	13.03

Sumber: <http://www.euromonitor.com/>


Jadual 4 dan Rajah 2 dan 3 menunjukkan perkembangan industri makanan di Malaysia yang ditanggap tidak menguntungkan oleh kebanyakan orang awam Malaysia. Jadual ini menyenaraikan beberapa rumusan penting. Pertama, industri makanan rata-rata menunjukkan peningkatan dari segi nilai jualan dan juga volum. Semua kategori yang disenaraikan dalam jadual tersebut menunjukkan peningkatan dari segi nilai jualan dalam jangka waktu 2001 hingga 2006. Kedua, makanan yang telah diproses seperti yang telah dibakar atau yang kering dan diproseskan menunjukkan nilai jualan yang tinggi. Ini termasuk roti, kek, makanan kering yang diproses, makanan dalam tin dan juga biskut. Ketiga, minuman kesihatan merekodkan kadar pertumbuhan tahunan yang tinggi antara 2001 dan 2006 iaitu mencatat 15.23%. Ini mencadangkan bahawa pengguna Malaysia adalah peka kepada kepentingan kesihatan. Minuman jus buah-buahan menunjukkan kadar pertumbuhan tahunan 6.16%. Keempat, industri perkhidmatan makanan menampilkan pertumbuhan yang sangat pesat dari segi volum dan juga nilai jualan. Dari segi kadar pertumbuhan, *cafe* dan *bar* mencatatkan pertumbuhan nilai perniagaan yang tinggi iaitu pada kadar hampir 12%. Dari segi nilai jualan, restoran mencatatkan nilai yang paling tinggi, mencecah lebih daripada RM8,200 juta pada 2006. Perkhidmatan yang "menyediakan makanan ke rumah" atau "yang boleh dibeli untuk dibawa balik" menunjukkan pertumbuhan tahunan 6.64%. Hampir semua jenis perkhidmatan makanan mencatatkan pertumbuhan nilai jualan yang tinggi. Ini menunjukkan bahawa pengguna Malaysia berbelanja dalam kadar yang besar untuk makan di luar rumah. Mengikut Alias Radam et al., (2006), pengguna Malaysia berbelanja hampir 18% daripada perbelanjaan makanan di luar rumah. Maka prospek perkhidmatan makanan di Malaysia adalah cerah berdasarkan kepada peningkatan

pendapatan pengguna dan perubahan dalam gaya hidup dan pola pemakanan. Nyata, bahawa industri makanan, minuman dan perkhidmatan makanan di Malaysia adalah sangat pesat dan berkembang.

Rajah 2: Nilai jualan produk makanan berbungkus, 2001 dan 2006 (RM juta)



Rajah 3: Nilai jualan perkhidmatan makanan, 2001 dan 2006 (RM juta)



Tren Mega yang Mempengaruhi Industri Pertanian dan Makanan

Pertumbuhan industri pertanian dan makanan di dunia, bukan sekadar didorongi oleh faktor fundamental seperti pertambahan populasi, pendapatan, citarasa pengguna dan teknologi. Tetapi ia juga didorongi oleh beberapa tren utama atau tren mega yang akan mempengaruhi industri ini sekurang-kurangnya dalam jangka masa pertengahan. Digariskan di bawah ini beberapa tren mega yang akan mencartakan perkembangan industri pertanian dan makanan Malaysia dan dunia amnya.

Proses globalisasi akan berterusan

Walaupun globalisasi telah berlaku hampir satu dekad, ia dijangka bukan sahaja berterusan tetapi membawa beberapa perubahan struktur ketara. Antara perubahan ini yang akan mempengaruhi prestasi sektor perniagaantani Malaysia adalah seperti teknologi merentasi negara, pengukuhan pasaran oligopolistik (sebilangan kecil firma menguasai syer pasaran yang besar), pengeluaran dan perdagangan lebih berintegritas dan kesengitan persaingan yang meningkat. Suasana pasaran sebegini menuntut standard kualiti keluaran yang tinggi, persaingan sengit di semua tahap pasaran dan pakatan strategik firma global.

Salah satu kesan globalisasi yang nyata dalam rantaian bekalan (*supply chain*) adalah perubahan daripada rantaian yang "berpandukan pembeli" (*buyer driven*) dan tidak "berpandukan pengeluar". Tidak seperti dahulu, penentuan pengeluaran dan sistem agihan terletak di tangan firma yang memasarkan sesuatu komoditi. Rantaian makanan lebih berintegritas menegak, iaitu peruncit lebih berintegritas dengan pembekal dan pembekal berintegritas dengan pengeluar. Integrasi ini memerlukan aliran maklumat yang pantas untuk memastikan keluaran ditanam, proses dan dipasarkan kepada pengguna dalam masa, bentuk, tempat dan kualiti yang dikehendaki.

"Penggloabalan pengeluaran" telah meningkat dimana sesebuah negara akan mengikut prinsip faedah berbanding, iaitu pengeluaran bahan mentah boleh dilakukan di negara yang dapat mengeluarkannya dengan kos pengeluaran yang rendah (kes amalan pembekalan Cargill yang diterangkan di atas adalah salah satu contoh strategi firma trans-nasional agri-makanan kongelemmerat). Sistem agihan tidak lagi terbatas kepada aliran keluaran dari satu tahap ke tahap yang lain tetapi merupakan proses menambah nilai keluaran menggunakan pemprosesan bio-industri. Ladang pertanian adalah sebahagian daripada rantaian nilai (*value chain*). Kesan daripada perubahan ini, perbezaan antara pertanian dan perniagaantani kian menghilang.


Inovasi Teknologi, Pengangkutan dan Komunikasi Merubah Skop Perniagaantani

Persaingan yang sengit dalam pasaran global juga menuntut inovasi teknologi. Perkembangan ini telah meluaskan lagi dimensi perniagaantani merangkumi bidang kejuruteraan, bioteknologi, telekomunikasi murah, sistem agihan dan pengurusan dan organisasi pasaran yang berubah. Sebagai contoh, kemajuan bioteknologi dalam kultur sel dan pemindahan bahan genetik antara tanaman telah meningkatkan "*genetic pool*" di kalangan petani. Teknologi pengeluaran juga telah meningkatkan produktiviti. Kemajuan dalam pengangkutan dan komunikasi telah meningkatkan nilai-tambah keluaran.

Penggunaan Makanan dan Pola Pemakanan Berubah

Penggunaan makanan dan pola pemakanan pengguna telah berubah dengan ketara kesan daripada peningkatan pendapatan per kapita, saiz keluarga yang mengecil, dan peratus wanita dalam sektor kerjaya yang tinggi. Perkembangan terbaharu dalam pola penggunaan makanan adalah peningkatan dalam perbelanjaan keatas makan di luar rumah (terutama restoran makanan segera) dan permintaan keatas makanan segar dan bermutu. Perkembangan lain termasuk peningkatan dalam makanan hidangan dalam kuantiti yang kecil (untuk kegunaan seorang, iaitu antara 250 – 300 gram), penurunan dalam penggunaan gula, daging babi, peningkatan dalam daging putih (ayam /itik).

Seperti yang tertera dalam Rajah 4, perbelanjaan keatas makanan dijangka berterusan kesan daripada peningkatan dalam pendapatan. Mengikut ramalan Euromonitor, perbelanjaan keatas makanan dijangka meningkat daripada 23.9% daripada jumlah perbelanjaan kepada 25.4% pada tahun 2015. Peningkatan pendapatan juga merubah pola pemakanan pengguna dimana penggunaan karbohidrat seperti nasi telah berkurang digantikan dengan roti, pasta dan mi atau bihun dan juga bijirin yang lain.



Jadual 5 menunjukkan perubahan perbelanjaan makanan di kalangan pengguna di Malaysia antara 2000 dan 2005. Jadual ini menyaranan terdapat peningkatan dalam penggunaan daging lembu, kambing dan ayam (tetapi daging babi berkurangan). Penggunaan sayur telah meningkat dengan ketara seperti tomato (meningkat sebanyak 6.13%), sayur lain (11.05%, ubi kentang (29.1%) dan begitu juga peningkatan besar dalam penggunaan buah seperti oren (21%), epal (28%) dan buah-buahan yang lain. Data ini menyaranan bahawa prospek permintaan makanan segar adalah cerah kerana pengguna kini lebih peka kepada kesihatan dan memilih produk segar terutama sayur dan buah-buahan.

Jadual 5 Malaysia: Penggunaan Makanan Segar (kg per kapita)

	2000	2005	% perubahan 2000-2005
Daging lembu dan daging anak lembu	5.3	5.7	7.70
Daging kambing	0.6	0.7	27.28
Daging babi	6.6	5.9	-9.32
Daging ayam / itik	30.6	33.4	9.02
Ikan	43.5	44.5	2.36
Krustasia (cth: ketam)	3.9	3.7	-3.56
Moluska / cephalopods	5.6	6.6	18.06
Kacang	1.5	1.6	3.87
Peas	0.3	0.4	13.59
Lain-lain kekacang	0.6	0.6	-5.48
Tomato	0.7	0.8	6.13
Bawang	9.8	12.1	23.76
Lain-lain sayur	21.0	23.3	11.05
Ubi kentang	5.0	6.4	29.09
Ubi kayu	13.4	11.5	-13.89
Ubi kentang manis	0.6	0.6	-1.47
Lain-lain akar	1.1	1.1	-7.93
Oren, tangerin, mandarin	3.8	4.6	21.24
Limau dan limau nipis	0.1	0.1	57.41
Pisang	15.4	14.5	-5.55
Epal	2.8	3.5	28.12
Nenas	0.4	0.4	-0.62
Anggur	0.9	1.0	8.83
Lain-lain buah	16.1	16.0	-0.34
Telur	12.0	10.2	-15.05
Gula dan pemanis	43.4	47.2	8.81

Sumber: <http://www.euromonitor.com/>

Penggunaan produk yang berbungkus dan yang diproses menunjukkan peningkatan yang ketara juga. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6, penggunaan produk ini telah meningkat dengan besar antara 2000 dan 2005 dan diramal akan terus meningkat. Antara peningkatan besar yang diperhatikan adalah penggunaan snek bar (29.1%), produk pengganti makanan atau makanan kesihatan (26.2%), pasta (62.5%) dan pelbagai lagi. Data ini menyarankan peluang luas wujud kepada pengusaha potensi tempatan untuk menceburi perusahaan ini berdasarkan tren penggunaan ini.

Jadual 6 Malaysia: Penggunaan Produk Brbungkus dan yang diproses (kg per kapita)

Butir	2000	2005	% Perubahan 2000-2005
Kuih-muih	1.1	1.0	-7.96
Produk roti	8.6	9.0	4.00
Ais krim (mililiter per kapita)	1,478.3	1,493.6	1.04
Produk tenusu	19.4	17.4	-10.16
Gula dan herba berempah	0.8	0.9	11.66
Snek bar	0.0	0.0	29.07
Produk pengganti makanan (kesihatan)	0.0	0.0	26.24
Makanan tersedia	0.2	0.2	3.15
Sup	0.1	0.1	41.11
Pasta	0.0	0.0	62.51
Mi	3.1	3.5	11.47
Makanan dalam tin	2.9	2.9	0.18
Makanan beku yang telah diproses	1.0	1.3	25.79
Makanan kering yang telah diproses	26.0	27.3	4.85
Makanan yang telah didinginkan	0.2	0.2	11.64
Minyak dan lemak	6.1	6.1	0.82
Sos dan perasa	2.6	2.7	2.69
Makanan bayi	1.5	1.7	12.35
Spreads	0.3	0.3	6.75

Sumber: <http://www.euromonitor.com/>

Perubahan dalam Pengurusan Perniagaantani Terutama Rantaian Bekalan

Kesan daripada perkembangan globalisasi terutama aliran bebas syarikat multi-nasional merentasi negara, sistem pemasaran makanan telah berubah dengan mendadak apabila syarikat multi-nasional ini memperkenalkan sistem rantai bekalan yang lebih singkat, cekap, berpandukan kepada kepentingan pengguna dan penggunaan teknologi dalam pengurusan pemasaran. Antara perubahan yang diperkenalkan adalah:

- **Saluran bekalan yang singkat, cekap dan murah.** Tidak seperti dalam sistem pemasaran tradisional, sistem bekalan baru menekan saluran pemasaran yang terus, iaitu dari lading terus melalui pemproses atau pemborong dan peruncit. Untuk memastikan harga yang murah kepada pengguna, firm aperuncit menyumber bekalan daripada luar negara.
- **Integrasi pembekal dan pembeli penting untuk memastikan bekalan berterusan dan berkualiti.** Untuk menjamin bekalan yang berterusan, integrasi antara pembeli dan pengeluar dan pembeli dan peruncit adalah kaedah utama pembekalan keluaran. Integrasi ini dilaksanakan dalam bentuk "kontrak" formal dan tidak formal antara pembekal dan pembeli.
- **Fungsi pemasaran adalah cekap yang disokong oleh infrastruktur dan logistik yang lengkap.** Untuk mewujudkan sistem bekalan yang cekap, memerlukan parasarana pemasaran seperti storan, pengangkutan yang cekap.
- **Pembungkusan dan label** adalah aspek utama pemasaran keluaran makanan. Ini kerana walaupun pengeluaran adalah global, tetapi citarasa pengguna adalah "tempatan". Maka pembungkusan dan label adalah cara untuk memastikan keluaran bercitarasa "tempatan."

- **“Label persendirian”** adalah berleluasa. Jika dahulu pengguna membeli secara pukal, kemudian mengikut jenama, tetapi kini “label persendirian” iaitu atas nama peruncit telah mula mengambil tempat. Label tidak lagi merujuk kepada “pembuat” keluaran tersebut tetapi merujuk kepada firma runcit yang menjualnya. Di Eropah, hampir 40% daripada makanan yang dibungkus dilabel dengan nama pasaraya yang menjualnya.
- **“Traceability”** atau mengesan asal-usul keluaran adalah tren yang kian meningkat dalam penjualan makanan untuk tujuan keselamatan dan kebersihan makanan.
- **Nilai-tambah keluaran** akan kian pesat dalam pembangunan keluaran. Sumber nilai-tambah adalah dalam bentuk kelebihan fizikal keluaran dan juga tambahan khidmat yang diberikan. Apabila pengguna lebih berkuasa dalam emmentukan pa yang mereka harus makan, mereka memilih makanan yang sihat, cepat dan berkualiti.

Sektor runcit yang menjual barang pengguna termasuk makanan sedang berkembang pesat di Malaysia. Nilai jualan runcit dibawah rangkaian bekalan yang baru ini dijangka mencecah RM2.3 bilion menjelang 2008 . Implikasi perkembangan sistem rangkaian bekalan ini adalah; pertama; permintaan keatas makanan segar dan produk berbungkus dan proses akan terus meningkat. Kedua, permintaan keatas makanan dan produk yang berkualiti, segar, selamat dan yang tersedia untuk dimakan akan bertambah.

Implikasi kepada Pengusaha Melayu

Data dan huraian di atas jelas membidas tanggapan umum bahawa pertanian adalah suatu perusahaan yang tidak menguntungkan. Sebaliknya, industri pertanian, makanan dan minuman adalah diantara industri yang dinamik baik di arena antarabangsa mahupun domestik. Tanggapan bahawa pertanian tidak menguntungkan adalah dibendung oleh paradigma yang sempit, dimana pertanian dilihat sebagai hanya kegiatan pengeluaran barang primer (*primary production*) seperti keluaran bahan mentah seperti kelapa sawit, getah, koko dan sebagainya. Pada masa yang sama, risiko pertanian yang tinggi (risiko harga dan pengeluaran yang tinggi) menyebabkan perusahaan ini ditanggap sukar untuk dikendalikan. Bertentangan dengan tanggapan ini, industri pertanian semasa telah berkembang bukan setakat industri hiliran atau asas tani tetapi telah meluas memasuki industri berteknologi tinggi seperti penyediaan benih menggunakan bioteknologi, pemprosesan yang menggunakan pelbagai teknologi moden, jalinan dengan industri farmasuitikal, nutrasuitikal dsbnya. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, firma perniagaantani adalah diantara firma terbesar di dunia dari segi volum perniagaan dan jualan. Firma input pertanian, kimia pertanian juga adalah syarikat yang terbesar di dunia. Pertambahan penduduk, peningkatan pendapatan dan keprihatinan yang meningkat tentang kesihatan dan keselamatan makanan, telah meningkatkan permintaan makanan yang bersih, berkualiti, selamat dan tersedia untuk dimakan. Kesan daripada perkembangan ini, kita dapati permintaan keatas makanan yang berkhasiat, segar dan pada masa yang sama mudah disediakan, telah mencatatkan pertumbuhan yang pesat di dunia mahupun di Malaysia. Kemasukan firma multi nasional ke Malaysia dalam sektor perkhidmatan makanan seperti makanan segera juga telah meningkatkan permintaan keatas bahan makanan. Rata-rata, bertentangan dengan tanggapan awam, industri pertanian dan makanan di Malaysia adalah dinamik dan juga menunjukkan pertumbuhan yang pesat.

Apakah implikasinya kepada orang Melayu? Data mengenai penglibatan orang Melayu dalam industri makanan, minuman, pemprosesan makanan masih tidak mencukupi untuk membuat rumusan yang pasti. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada beberapa laporan yang ada, penglibatan orang Melayu masih terbatas dibandingkan dengan etnik lain.

Pengajaran utama daripada perkembangan diatas adalah; pertama, persekitaran semasa telah berubah dengan pesat dimana proses globalisasi membawa masuk bukan sahaja modal tetapi budaya perniagaan yang berbeza dengan budaya perniagaan tempatan dan tradisi. Antara budaya ini adalah, sistem pemasaran yang tersusun, penggunaan teknologi daripada biji benih sehingga produk makanan dihidang dimeja, penggunaan logistik moden (pengangkutan, storan) untuk menguruskan produk, produk yang berlabel, berjenama dan berkualiti. Bekalan boleh disumbangkan daripada mana-mana negara asalkan mutu dan harganya sesuai. Pada masa yang sama produk makanan perlu mengakuri tuntutan kualiti seperti EuroGep untuk keselamatan makanan. Kesemua strategi pemasaran mereka dipandu oleh kepentingan pengguna. Strategi yang komprehensif ini memungkinkan firma ini menerapkan risiko pertanian yang tinggi seperti turun naik harga atau pengeluaran yang tidak menjadi. Walaupun, kemasukan firma multi nasional ke dalam industri makanan dan minuman Malaysia masih belum meluas, tetapi ia menunjukkan pertumbuhan yang pesat. Bermakna, pengusaha tempatan perlu mengambil langkah pro-aktif untuk mengelakkan masalah ekuiti yang berat sebelah, memihak kepada firma asing atau etnik tertentu.

Kedua, firma yang berjaya adalah firma yang menepati kemahuan dan cita rasa pengguna, ataupun berorientasikan pengguna. Antara tren utama yang berlaku dikalangan pengguna negara maju adalah penekanan kepada produk kesihatan, berkualiti, selamat dan mudah digunakan. Tren ini juga berlaku dalam pasaran tempatan sebagaimana yang terbukti dengan peningkatan penggunaan per kapita buah-buahan dan sayur-sayuran segar dan makanan kesihatan. Maka, pengusaha yang ingin menceburi bidang ini perlu sering peka dan medekati cita rasa pengguna supaya dapat mengeluarkan keluaran mendahului pengguna. Dengan cara ini, pengusaha tersebut boleh menyaingi pesaingnya jauh ke hadapan.

Ketiga, firma yang berjaya menampilkan beberapa ciri seperti memiliki modal yang besar, jaringan dengan pembekal dan pembeli, memiliki teknologi pengeluaran dan pemprosesan dan bijak menangani risiko. Ini tidak bermakna firma kecil tidak memiliki tempat dalam industri ini. Malahan firma kecil sangat diperlukan sebagai pembekal atau penggenap kepada firma besar dalam menyediakan bahan mentah atau perkhidmatan.

Walaupun bagaimanapun, usahawan, apa jua bangsapun, tidak dapat dibentuk dalam sehari dua mahupun setahun. Kejayaan beberapa model usahawan di dalam negara memberitahu kita bahawa, untuk menjadi usahawan yang berjaya memerlukan seseorang itu melalui laluan perniagaan yang meluas untuk beliau memahami dan mengumpul pengalaman sebagai bekalan untuk menangani masalah, ketidakpastian dan juga risiko perniagaan. Pada masa yang sama, usahawan yang berjaya perlu memiliki modal, jaringan, teknologi, pengalaman dan yang paling penting ciri keusahawanan yang gigih untuk mengharungi dugaan perniagaan yang ada kala boleh mematahkan usaha jika tersalah langkah. Kerajaan Malaysia telah menggubal pelbagai polisi, strategi, program dan sokongan kepada golongan orang Melayu untuk menceburi bidang ini. Pelbagai institusi dan agensi telah diamanatkan untuk membantu pembangunan usahawan Melayu seperti MARA, Bank Pertanian, SMIDEC, FAMA dan pelbagai lagi. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah melaksanakan pelbagai program ke arah ini. Polisi dan strategi yang

dikenal pasti tidak kurang dari segi wawasan, misi mahupun dana yang diperuntukkan. Cuma sambutan dari usahawan potensi masih belum mencukupi. Nyata, wujud jurang antara polisi dan pelaksanaannya. Mungkin kajian institusi secara menyeluruh perlu dilaksanakan untuk meneliti jurang ini.

Beberapa model yang berjaya boleh kita miripi sebagaimana yang terdapat di Taiwan dan di Korea; iaitu, Pertubuhan dan Koperasi Peladang. Pertubuhan dan Koperasi Peladang di negara tersebut mampu menanam dan memupuk keusahawanan tinggi dikalangan anggotanya (petani) dan menjadikan mereka usahawantani yang berjaya. Di Taiwan, pertumbuhan industri yang lebih pesat di kawasan pertanian dan di luar bandar (dibandingkan dengan kawasan bandar) telah melahirkan usahawantani yang berjaya. Prinsip utama yang diamalkan di negara ini adalah memupuk ciri berdikari dalam keputusan dan pertanggungjawaban (*atau empowerment*) supaya mereka belajar dan menguruskan sendiri selok belok perniagaan dan yang penting bertanggungjawab kepada keputusan perniagaan. Peranan agensi kerajaan adalah menyediakan prasarana, khidmat sokongan teknikal dan pengembangan perniagaan dan juga pakej insentif yang istimewa.

Salah satu ciri pengusaha petani dinegara maju adalah penglibatan mereka dengan perniagaan di luar ladang sama ada berkaitan dengan pertanian atau pun tidak. Menikut Kim et al., (2003), purata pendapatan di luar ladang di Korea, Taiwan, Jepun dan Amerika adalah lebih daripada 80%. Iaitu pengeluar ini terlibat dengan kegiatan seperti perniagaan/perkhidmatan input, membekal bahan pertanian kepada industri berdekatan (pengeluaran makanan dsbnya). Dalam kata lain, petani di negara ini adalah pengeluar dan pada masa yang sama pengusaha. Sebaliknya di Malaysia, petani tidak memiliki peluang untuk membina jaringan dengan industri sama ada kerana industri berjauhan dari ladang ataupun akses kepada maklumat dan teknologi adalah terbatas. Azaman Ismail et al., (2003) mendapati bahawa pekebun kecil kelapa sawit bergantung kepada tanaman kelapa sawit sebagai sumber pendapatan, iaitu peluang untuk pendapatan luar ladang adalah sifar.

FELDA adalah model pembangunan ciptaan Malaysia yang unik dan membanggakan. Kini korporat FELDA menerajui status agensi pengeluar kelapa sawit terbesar di dunia. Kejayaan FELDA perlu dipermajukan lagi dengan menangani isu generasi kedua FELDA yang tidak menghayati skim ini sebagaimana generasi pertama dan prospek mobiliti kerjaya (menegak dan mendatar) yang terbatas dikalangan peneroka tersebut. Isu yang sama juga dihadapi dalam skim yang hampir serupa seperti FELCRA dan juga RISDA. Antara strategi yang berkaitan disini adalah pembangunan kapasiti atau modal insan dikalangan peneroka dan generasi barunya dari segi kemahiran pertanian termaju (atau *advanced technology*) dan juga latihan keusahawanan. Lebih banyak kolej dan pusat latihan perlu dibina dalam kawasan FELDA dan yang penting, pada masa yang sama, lebih banyak industri perlu dibina untuk membuka laluan kepada peneroka ini menerokai kegiatan atau perusahaan yang berkaitan untuk meningkatkan keusahawanan dan pendapatan luar ladang.

Masa hadapan sektor pertanian di Malaysia adalah dibahu pekebun kecil seperti pekebun kecil getah, koko, nenas, sayur-sayuran dan buah-buahan dan IKS makanan). Sebahagian besar daripada mereka adalah orang Melayu. Usaha kerajaan untuk membangunkan usahawantani dikalangan mereka adalah sangat bijak dan tepat sekali. Berdasarkan kepada perkembangan di atas, dirumuskan beberapa cadangan tambahan untuk membantu pembentukan usahawantani di kalangan orang Melayu selain yang telah digubal oleh kerajaan. Ini walau bagaimanapun merupakan panduan umum, penelitian yang rapi diperlukan untuk mencapai strategi yang lebih mantap. Strategi tersebut adalah;

- **Pembinaan industri di kawasan luar bandar dan juga kawasan pertanian.** Hanya dengan pembinaan industri di kawasan yang berhampiran dengan pertanian dapat menarik pengeluar dan petani untuk mengambil peluang membina jaringan dengan industri tersebut sama ada melalui bekalan bahan mentah makanan atau pun perkhidmatan yang berkaitan. Dengan cara ini, petani akan memupuk ciri keusahawanan terutama pemasaran dan perniagaan.
- **Khidmat pengembangan yang intensif dan ekstensif merangkumi khidmat teknikal dan perniagaan.** Jurang teknologi antara petani dan pasaran perlu dirapatkan untuk membolehkan petani lebih kreatif dan mampu melahirkan inovasi dalam pasaran. Kini, petani kecil Melayu terpinggir jauh dari dunia kemajuan teknologi baik ICT, bioteknologi dan teknologi termaju yang lain. Khidmat pengembangan perniagaan juga penting untuk mendekatkan mereka kepada pasaran dan perkembangan semasa.
- **Pertubuhan dan persatuan peladang dimantapkan supaya menjadi entiti perniagaan yang menguntungkan ahlinya.** Ini memerlukan perubahan dari segi prinsip dan strategi organisasi dan pelaksanaan, terutama dari segi mengukuhkan daya berdikari mereka dalam membuat dan bertanggungjawab kepada keputusan.
- **Akses kepada maklumat, teknologi dan kredit .** Pengeluar perlu diberi akses kepada maklumat pasaran atau teknologi untuk membantu mereka membuat keputusan yang bijak keatas perusahaan mereka. Akses kepada kredit yang murah juga perlu dimantapkan lagi.

Rujukan

- Alias Radam, Shazali Abu Mansor and Dayang Affizah Awang Merican (2006). Demand Analysis of FAFH Homes in Malaysia. Staff Paper 6/2006, Faculty of Economics and Management, Universiti Putra Malaysia.
- Azman Ismail, Mohd Arif Simeh and M Mohd Noor (2003), The Production Cost of Oil Palm Fresh Fruit Bunches: the Case of Independent Smallholders in Johor. <http://palmoilis.mpob.gov.my/publications/opiejv3n1-1.pdf> (Diakses pada 14 Oktober 2007)
- Euromonitor (2007), <http://www.euromonitor.com/> (Diakses 19 Oktober 2007)
- Fortune 500 http://money.cnn.com/magazines/fortune/global500/2007/full_list/index.html (diakses 18 Oktober 2007)
- IFAP (International Federation of Agricultural Producers) 2002. Industrial Concentration in the Agrifood Sector <http://www.ifap.org/en/publications/documents/Concentration6thdraftrevE.pdf>.
- Jabatan Perangkaan (2005). Perangkaan Ekonomi Malaysia-Siri Masa 2005. Putrajaya: Jabatan Perangkaan, Malaysia.
- Kim, Hanho Lee, Yong-Kee (2003). Agricultural Policy Reform and Structural Adjustment: Historical Evidence from Korean Experience. [International Agricultural Policy Reform and Adjustment Project \(IAPRAP\) , Policy Reform and Adjustment Workshop, October 23-25, 2003, Imperial College London, Wye Campus.](http://www.iafap.org/InternationalAgriculturalPolicyReformandAdjustmentProject(IAPRAP)_PolicyReformandAdjustmentWorkshop,October23-25,2003,ImperialCollegeLondon,WyeCampus) (Di akses 18 Oktober 2007)
- ACNielsen (2004). Top 10 Global Food Trends <http://www.dietamediterranea.it/toptentrends.pdf> (Di akses 18 Oktober 2007)
- Prokopanco, Jim (2007), "Laying the Foundation for a Prosperous Agriculture in the New Millennium: A Cargill Perspective for the Northern Great Plains," <http://www.ngplains.org>. (Di akses 18 Oktober 2007)
- Malaysia (1993): Polisi Pertanian Negara III (1998-2010) Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian.

Malaysia (2001): Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Malaysia (2006): Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

UNDP (United Nation Development Programme) (2007).

<http://hdr.undp.org/hdr2006/statistics/> (Di akses 18 Oktober 2007)